



**PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA
BILANGAN 3 TAHUN 2015**

**PANDUAN PENUBUHAN DAN PENGURUSAN KAWASAN HUTAN BAGI MAKSUD-
MAKSUD PERSEKUTUAN (HMP) DALAM HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK)
DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

1.0 LATAR BELAKANG

- 1.1. Hutan bagi Maksud-maksud Persekutuan (HMP) merupakan salah satu daripada kelas fungsi kegunaan hutan bagi Hutan Simpanan Kekal (HSK) sebagaimana keperluan di bawah seksyen 10(1)(k), Akta Perhutanan Negara (APN) 1984. Adalah menjadi tanggungjawab Pengarah Perhutanan Negeri (PPN) melalui kelulusan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) untuk mengelas dan mewartakan setiap HSK mengikut pengelasan yang menggambarkan maksud atau kegunaan sesuatu kawasan hutan berkaitan.
- 1.2. Kawasan HMP ini ditakrifkan sebagai hutan untuk kegunaan aktiviti-aktiviti yang dikendalikan di peringkat persekutuan tertakluk kepada keperluan, kepentingan negara serta permohonan yang dikemukakan oleh Kerajaan Persekutuan.

1.3. Secara amnya HMP berperanan dan berfungsi bagi tujuan seperti berikut:-

- i. untuk tujuan ketenteraan seperti penyediaan kawasan kem lapang sasar dan latihan;
- ii. untuk tujuan umum seperti tadahan air dan stesen pemancar komunikasi; dan
- iii. untuk tujuan khusus seperti stesen penyelidikan, pusat latihan dan sebagainya.

1.4. Sehubungan itu, semua negeri di Semenanjung Malaysia perlu memproses permohonan yang ada dan seterusnya mengesyorkan kepada Pihak Berkuasa Negeri bagiewartakan cadangan HMP selaras dengan objektif penubuhannya.

2.0 SKOP

Skop panduan ini adalah untuk mendefinisikan HMP dan menggariskan kriteria-kriteria penentuan kawasan HMP dalam HSK. Selain itu, panduan ini menghuraikan aspek penubuhan, pemantauan dan preskripsi pengurusan kawasan HMP

3.0 OBJEKTIF PANDUAN

Objektif panduan ini adalah untuk menyeragamkan kaedah penubuhan dan pengurusan kawasan HMP dalam HSK di Semenanjung Malaysia.

4.0 KRITERIA PENENTUAN KAWASAN HUTAN BAGI MAKSUD PERSEKUTUAN

4.1 Kawasan HSK yang dicadangkan sebagai HMP hendaklah mempunyai mana-mana satu ciri-ciri berikut:

4.1.1 Kawasan hutan yang mempunyai kedudukan yang strategik untuk dijalankan aktiviti-aktiviti yang berkaitan keselamatan negara; atau

4.1.2 Kawasan hutan yang tidak ekonomik dari segi komposisi hutan atau lokasi kurang mengandungi kepelbagaian tumbuhan yang bernilai tinggi.

5.0 PENUBUHAN HUTAN BAGI MAKSUD PERSEKUTUAN

5.1 Penilaian Kawasan

5.1.1 Pegawai Hutan Daerah (PHD) hendaklah mengenal pasti dan menilai kesesuaian cadangan kawasan untuk dijadikan HMP berdasarkan kriteria pemilihan kawasan di para 4.0.

5.1.2 PHD hendaklah menyediakan laporan penilaian kawasan dan mengemukakan kepada Pengarah Perhutanan Negeri (PPN). Laporan penilaian ini hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:

- i. daerah hutan;
- ii. nama HSK;
- iii. nombor kompartmen;
- iv. keluasan kawasan;

- v. justifikasi pemilihan kawasan;
- vi. keadaan kawasan [contoh: jenis hutan, komposisi spesies flora secara umum, status hutan (hutan dara atau hutan diusahasil), kawasan berbatu termasuk batu kapur, sungai, tasik, paya dan topografi];
- vii. sejarah kompartmen yang terlibat termasuk petak-petak penyelidikan / kajian Petak Contoh Kekal (PCK), Petak Fenologi, Kawasan Pengeluaran Biji Benih (*Seed Production Area*), *Growth & Yield Plot* (G&Y), *Growth Plot*, *CFI* dan *HCVF*);
- viii. klasifikasi fungsi hutan semasa [merujuk kepada Seksyen 10(1), APN, 1984];
- ix. jalan perhubungan (darat dan air);
- x. maklumat lain (termasuk kawasan penempatan Orang Asli dan masyarakat setempat, kepentingan penduduk setempat, keadaan kawasan sekeliling, kawasan rekreasi dan sebagainya);
- xi. ulasan dan syor oleh PHD; dan
- xii. pelan kawasan.

5.1.3 PPN hendaklah meneliti laporan ini dan memutuskan penubuhan HMP.

5.2 Penubuhan Kawasan

i. Keluasan Kawasan

Keluasan cadangan HMP adalah tertakluk kepada ciri-ciri topografi kawasan dan tiada keluasan minimum serta mengikut kesesuaian permohonan.

ii. Pewartaan Hutan Maksud Persekutuan

- (i) PPN hendaklah mengemukakan cadangan penubuhan HMP kepada Pihak Berkuasa Negeri yang mengandungi perkara seperti berikut:
 - (a) kawasan yang dicadangkan;
 - (b) pelan yang menunjukkan sempadan kawasan yang dicadangkan;
 - (c) justifikasi penubuhan HMP; dan
 - (d) syor PPN.
- (ii) PPN hendaklah mengemukakan satu salinan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri berserta pelan cadangan HMP kepada Pengarah Ukur dan Pemetaan bagi tujuan penyediaan pelan warta.
- (iii) Selepas menerima pelan warta daripada Pengarah Ukur dan Pemetaan, PPN hendaklah menyediakan draf warta pengkelasan kawasan HSK sebagai HMP kepada Penasihat Undang-Undang Negeri.

- (iv) Selepas menerima draf warta yang dipersetujui oleh Penasihat Undang-Undang Negeri, PPN hendaklah menandatangani dan mengemukakan semula kepada Penasihat Undang-Undang Negeri untuk disiarkan.

iii. Penandaan Sempadan

Penandaan sempadan bagi kawasan HMP perlu dilaksanakan jika keluasan kawasan tersebut adalah mudah dan praktikal untuk ditanda di lapangan. Jika sempadan kawasan tersebut agak luas dan sukar dilaksanakan dari segi topografi, jarak perhubungan, atau kos yang perlu ditanggung maka memadai ditandakan di atas peta klasifikasi fungsi hutan di Pejabat Perhutanan Negeri, Pejabat Hutan Daerah dan Pejabat Renj Hutan.

iv. Papan Tanda

- (i) Papan tanda perlulah diletakkan di tempat yang strategik seperti di persimpangan jalan masuk menuju ke kawasan HMP.
- (ii) Papan tanda HMP hendaklah mengandungi maklumat seperti nama HSK, kompartmen, keluasan, tahun penubuhan dan nombor warta.
- (iii) Latar belakang papan tanda ini hendaklah berwarna kuning muda dan tulisan berwarna hitam seperti contoh di **Lampiran 1**.

6.0 PENGURUSAN KAWASAN

6.1 Pemantauan

6.1.1 PHD adalah bertanggungjawab untuk memastikan aktiviti pemantauan dilaksanakan ke atas kawasan HMP. Antara kaedah pemantauan yang boleh digunakan ialah melalui:

- (i) pemantauan udara;
- (ii) aplikasi remote *sensing* yang sedang berkuatkuasa seperti *Forest Monitoring Using Remote Sensing (FMRS)*; dan
- (iii) pemeriksaan di lapangan.

6.1.2 Pemantauan kawasan HMP hendaklah dilaksanakan seberapa kerap yang mungkin dan laporan pemantauan hendaklah disediakan setahun sekali.

6.1.3 Laporan pemantauan dikemukakan kepada PPN menggunakan format seperti di **Lampiran II**.

6.1.4 Sekiranya dikesan berlakunya pencerobohan atau kesalahan hutan lain, laporan terperinci hendaklah dibuat serta merta kepada PPN.

6.2 Preskripsi Pengurusan

Preskripsi pengurusan HMP hendaklah dimasukkan dalam Rancangan Pengurusan Hutan Negeri (RPH) dengan meliputi perkara-perkara berikut:

- (i) objektif, matlamat dan strategi pengurusan;
- (ii) maklumat asas kawasan;

(iii) maklumat inventori;

(iv) latar belakang mengenai sejarah pengurusan hutan; dan

(v) tatacara kawalan dan pemantauan kawasan.

7.0 KESIMPULAN

Panduan ini membantu JPN dalam mengenalpasti, menentukan dan mengurus kawasan HMP secara teratur dan seragam dalam Hutan Simpanan Kekal di Semenanjung Malaysia.

8.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta dan terpakai di semua negeri di Semenanjung Malaysia

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“HUTAN UNTUK KESEJAHTERAAN MASYARAKAT”

“1 MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' SRI DR. HJ. ABD. RAHMAN BIN HJ. ABD. RAHIM)

Ketua Pengarah Perhutanan

Semenanjung Malaysia.

Tarikh: 27 Januari 2015

CONTOH PAPAN TANDA
HUTAN MAKSUD-MAKSUD PERSEKUTUAN (HMP)



**LAPORAN PEMANTAUAN
KAWASAN HUTAN MAKSUD PERSEKUTUAN (HMP)**

Suku Tahun :..... Tahun:.....
(laporan ini hendaklah disediakan secara berasingan bagi setiap HMP)

No. Warta HMP :.....

Nama Hutan Simpanan Kekal:.....

Daerah Hutan :.....

Negeri :.....

1. Kaedah Pemantauan

(Isikan maklumat dalam ruangan mengikut kaedah pemantauan yang dijalankan)

(i) Pemantauan Udara:

(a) Tarikh Pemantauan:.....

(b) Pegawai Pemantau:

| Bil. | Nama | Jawatan |
|-------------|-------------|----------------|
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |

(c) Penemuan:

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

(ii) *Forest Monitoring Using Remote Sensing (FMRS)*

| Tarikh | Nama & Jawatan Pegawai Pemantau | Penemuan |
|--------|---------------------------------|----------|
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |

(**Catatan:** gunakan lampiran berasingan sekiranya ruangan tidak mencukupi)

(iii) **Pemeriksaan di Lapangan:**

- (a) Tarikh Pemeriksaan:.....
- (b) Nama & Jawatan Ketua Pasukan:.....
- (c) Ahli Pasukan:

| Bil. | Nama | Jawatan |
|------|------|---------|
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |

(**Catatan:** gunakan lampiran berasingan sekiranya ruangan tidak mencukupi)

- (d) Kawasan Semakan: (Nyatakan lokasi, kordinat dan sertakan pelan yang menunjukkan kawasan semakan)

.....
.....
.....
.....

- (e) Penemuan: (lampirkan gambar)

.....
.....
.....
.....
.....
.....

.....
.....
.....
(Catatan: gunakan lampiran berasingan sekiranya ruangan tidak mencukupi)

2. Perkara-perkara Lain:

.....
.....
.....
.....
.....

3. Ulasan Pegawai Ranjer Hutan:

.....
.....
.....
.....
.....
.....

Tandatangan:.....

Nama:.....

Tarikh:.....

Disahkan oleh :

Pegawai Hutan Daerah :

Tarikh :